

# PM mahu MTNg diurus dengan baik

Oleh RADHUAN HUSSAIN  
pengarang@utusan.com.my

## ■ KUALA TERENGGANU 20 MEI

**P**ERDANA Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berpesan agar Majlis Tindakan Negeri Terengganu (MTNg) yang kini dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd. Redzuan Yusof diurus tadbir dengan cekap.

Malah Dr. Mahathir juga mahu supaya MTNg itu bebas daripada sebarang unsur ketirisan selain menyarankan penubuhan jawatankuasa anti rasuah di peringkat negeri dan daerah.

Mohd. Redzuan berkata, mesej daripada Perdana Menteri itu merupakan antara beberapa agenda utama yang dibincangkan ketika mempengerusikan Mesyuarat MTNg yang berlangsung kira-kira tiga jam bermula pukul 9 pagi ini di Wisma Darul Iman, di sini hari ini.

“Antara perkara yang dibin-



**MOHD. REDZUAN YUSOF (dua dari kanan) mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Negeri Terengganu di Bilik Gerakan Negeri. Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu, semalam. Turut hadir, A. Rahman Yahya (kanan). - BERNAMA**

cangkan dalam mesyuarat sebentar tadi, kita lebih bawa mesej daripada PM (Perdana Menteri). Kita

kena urus tadbir dengan cekap, tak ada unsur-unsur ketirisan.

“Ini salah satu, kerajaan ne-

geri untuk pastikan kaedah yang dibawa pentadbiran kerajaan baharu diterima pakai untuk ke-

makmuran dan kesejahteraan negara,” katanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat berkenaan.

Yang turut hadir, Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk A. Rahman Yahya.

Mohd. Redzuan seterusnya menarik perhatian, kerajaan komited menjadikan Malaysia sebuah negara usahawan bagi membolehkan rakyat memperoleh pendapatan tinggi selain tidak lagi terlalu bergantung kepada kerajaan semata.

“Kerajaan negeri nampaknya memahami dengan memberi maklum balas, lebih kepada beri kail daripada ikan dan itulah formula untuk kita sama-sama wujudkan negara usahawan,” jelasnya.

Selain itu, beliau turut menyentuh mengenai prestasi perbelanjaan pembangunan Rolling Plan 4 (RP4) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) Terengganu sehingga 20 Mei tahun ini yang mencatatkan 19.92 peratus iaitu RM214.91 juta daripada RM1.078 bilion yang diperuntukkan.